

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 MARCH 2017

Masih belum terima permohonan maaf daripada Kedutaan Korea Utara

Timbang hubungan diplomatik

UM - 7/3/2017

■ KUALA LUMPUR 6 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia akan mempertimbangkan untuk menilai semula hubungan diplomatik dengan Korea Utara selepas kerajaan mengumumkan pengusiran Duta Besarnya ke Malaysia, Kang Chol kelmarin.

Menurut Perdana Menteri, setakat ini, Malaysia masih belum menerima permohonan maaf daripada kedutaan negara berkenaan.

“Kita akan mempertimbangkan (menilai semula hubungan) dan bertindak mengikut keadaan semasa.

“Pada masa ini pun kita tidak menerima permohonan maaf malah kita juga tidak lagi mengharapkan apa-apa daripada mereka,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen selepas Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ke-13 hari ini.

Kelmarin, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman memberitahu, Malaysia memutuskan untuk mengusir keluar Kang Chol dan mengisytiharkan beliau sebagai *Persona Non Grata* (orang yang tidak dihargai) sebagai sebahagian proses kerajaan menilai semula hubungan dengan Korea Utara.

Tindakan itu dilakukan ekoran penghinaan Kang Chol terhadap Malaysia berhubung kematian abang pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam.

Jelas Perdana Menteri, keputusan kerajaan mengisytiharkan Kang Chol sebagai *Persona Non Grata* dilakukan atas dasar prinsip Malaysia sebagai negara berdaulat dan sesiapa yang dihantar bertugas di negara ini harus menghormati peraturan serta undang-undang negara.

“Kalau beliau buat tuduhan yang melulu dan tidak berasas maka beliau sepatutnya meminta

maaf serta menarik balik kenyataan tersebut tetapi beliau enggan berbuat demikian maka berdasarkan prinsip negara, kita telah ambil tindakan untuk mengisytiharkan beliau sebagai *Persona Non Grata*.

“Ini juga bererti bahawa kita memang tegas dalam soal maruah, kedaulatan negara kita. Tiada sesiapa boleh menghina atau memperkotak-katikkan Malaysia dengan sewenang-wenangnya,” jelasnya.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menegaskan, Malaysia tidak pernah mencari masalah dengan mana-mana negara lain dan sentiasa mempertahankan serta memperkukuhkan hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, pada masa sama, kerajaan perlu memberi mesej yang jelas kepada pihak lain bahawa mereka sepatutnya menghormati hubungan diplo-

matik yang terjalin.

“Keputusan Kabinet untuk mengusir duta itu adalah sesuatu yang jarang dilakukan mana-mana negara.

“Kecuali jika kes itu melibatkan mana-mana duta yang seharusnya memohon maaf tetapi beliau tidak membuat mohon maaf tetapi sebaliknya membuat serangan sehingga menimbulkan persepsi berbeza terhadap negara kita,” katanya.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, proses siasatan kes berkenaan dilakukan secara profesional oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tidak pernah melibatkan mana-mana negara lain.

Sementara itu, Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, penghinaan yang dilemparkan oleh Kang Chol itu telah menjejaskan hubungan antara Malaysia dan Korea Utara.